No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 Jilid 2 (18)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 18 TAHUN 2026

PINDAAN HAD NILAI DAN TEMPOH BAYARAN BALIK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Bendahari

30 Oktober 2026

Disalinkan kepada :

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)
Penolong Naib Canselor (Infrastruktur dan Digital)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 Jilid 2 (18) 30 Oktober 2026

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 18/2026

PINDAAN HAD NILAI DAN TEMPOH BAYARAN BALIK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Had Nilai dan Tempoh Bayaran Balik Skim Pembiayaan Kenderaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Skim Pembiayaan Kenderaan merupakan salah satu kemudahan kebajikan yang disediakan oleh Universiti kepada staf yang layak sebagai salah satu kemudahan kebajikan bagi membantu pegawai memiliki kenderaan untuk tujuan perjalanan harian dan pelaksanaan tugas rasmi.

2.2 Kemudahan pembiayaan ini dilaksanakan berdasarkan Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti (PW), Bab I Pembiayaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

2.3 Seiring dengan perubahan landskap ekonomi negara, peningkatan kos sara hidup serta kenaikan harga pasaran kenderaan, had maksimum pembiayaan sedia ada didapati perlu ditambah baik bagi memenuhi

keperluan serta kebajikan staf UTeM. Di samping itu, perkembangan teknologi automotif khususnya penggunaan kenderaan elektrik (Electric Vehicle – EV / Plug-In Electric Vehicle - PHEV) juga memerlukan Universiti menilai semula kadar pembiayaan yang ditawarkan agar kekal relevan.

2.4 Pindaan had nilai dan tempoh bayaran balik Skim Pembiayaan Kenderaan UTeM ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 9/2026 pada 30 September 2026.

3.0 PINDAAN HAD NILAI DAN TEMPOH BAYARAN BALIK

3.1 Pindaan had nilai dan tempoh bayaran balik dilaksanakan bagi memastikan Skim Pembiayaan Kenderaan UTeM yang disediakan kekal relevan dan memberi manfaat yang lebih optimum kepada warga Universiti.

3.2 Berikut merupakan pindaan yang terlibat di bawah Skim Pembiayaan Kenderaan UTeM:

Skim Pembiayaan Kenderaan UTeM	Had Nilai Pembiayaan (Maksimum)	Tempoh Pembiayaan (Maksimum)
Motosikal	RM25,000	6 tahun / 72 bulan
Kereta	RM150,000	9 tahun / 108 bulan

3.3 Pengurusan pembiayaan hendaklah dilaksanakan selaras dengan peraturan kewangan Universiti dan pekeliling yang berkuat kuasa.

4.0 PEMAKAIAN

4.1 Pindaan ini berkuatkuasa serta merta mulai Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan.

4.2 Semua PTj/staf hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"
"KEBERSAMAAN MENDEPANI PERUBAHAN"

Saya yang menjalankan amanah,

SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

INTAN/UEP/PembiayaanKenderaan2026